

11/06/1999

Permohonan Mahathir didengar 2 Julai

KUALA LUMPUR, Khamis - Permohonan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membatalkan saman malu Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung tuntutan ganti rugi RM100 juta, akan didengar Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Perintah itu dikeluarkan Mahkamah Tinggi di sini hari ini selepas peguam bela Karpal Singh yang mewakili Anwar, membantah permohonan itu didengar oleh Hakim Kamalanathan Ratnam.

Bagaimanapun, peguam bela Datuk Mohd Adnan Shuib yang mewakili Dr Mahathir, membantah kes itu didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar dengan alasan perbicaraan sudah ditetapkan bermula hari ini di depan Kamalanathan, tetapi bantahan itu ditolak.

Sehubungan itu, Kamalanathan menetapkan 2 Julai ini untuk permohonan itu didengar oleh Penolong Kanan Pendaftar. Pada hari yang sama, permohonan kedua Dr Mahathir untuk meminda pernyataan pembelaannya juga akan didengar.

Karpal berkata, pihaknya juga akan mengemukakan bantahan awal sebelum permohonan itu didengar penolong kanan pendaftar.

Dalam bantahan awal itu, Anwar memohon tuntutan samannya ke atas Dr Mahathir diteruskan dan permohonan Perdana Menteri itu ditolak dengan kos dengan alasan permohonan itu cacat dan gagal mematuhi peraturan Aturan 18 Kaedah 19 (2).

"Dr Mahathir menggunakan perkataan yang mempunyai unsur fitnah secara palsu, berniat jahat dan secara melulu serta didorong niat jahat dan tanpa berhati-hati pada masa ia dituturkan," katanya.

Dengan itu, kata Anwar, tuntutannya terhadap Dr Mahathir adalah kukuh dan nyata boleh dikekalkan.

Dr Mahathir dalam afidavit bagi menyokong permohonannya pula, berkata kenyataannya berhubung salah laku seksual yang didakwa menghina Anwar, adalah berdasarkan bahan dan fakta benar.

Perdana Menteri berkata, kenyataan itu yang dibuat dalam sidang akhbar pada 22 September tahun lalu, membawa maksud Anwar adalah seorang homoseksual; melakukan perbuatan di luar aturan tabii; tidak bermoral; tidak layak memegang jawatan awam dan parti serta seorang yang mempunyai kecenderungan jenayah.

Dr Mahathir berkata, beliau juga sudah mengemukakan pembelaan penuh terhadap saman itu dan Anwar tidak mempunyai sebab mengambil tindakan ke atasnya.

Beliau memohon mahkamah supaya membatalkan saman itu dengan kos kerana ia tidak mempunyai sebab munasabah; mengaibkan; remeh; menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Dalam saman malunya ke atas Dr Mahathir pada 25 Januari lalu, selain menuntut ganti rugi, Anwar juga memohon perintah menghalang Dr Mahathir atau wakilnya daripada terus mengeluarkan kenyataan atau membuat ulasan mengenai beliau.

Anwar mendakwa Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan yang memfitnahnya di depan wartawan tempatan dan asing dalam sidang akhbar pada 22 September.

Menurutnya, Dr Mahathir mengetahui kenyataan itu akan disiarkan media tempatan dan luar negara.

Sehubungan itu, katanya, wartawan majalah Newsweek, Dorinda Elliot, menulis artikel bertajuk, Here's mud in your face - Accusations of sexual misconduct and corruption in an Asian smear war that rivals even

Washington's berdasarkan kepada kenyataan Dr Mahathir.

Anwar mendakwa, artikel itu disiarkan pada halaman 24 majalah Newsweek keluaran 5 Oktober 1998 dan diedarkan secara meluas di Malaysia dan seluruh dunia.

Menurutnya, artikel itu juga disiarkan oleh akhbar The Sun pada halaman dua 23 September 1998 bertajuk, Anwar's behaviour despicable: PM dan CNN International serta beberapa stesen televisyen dan radio.

Dalam pembelaannya, Dr Mahathir berkata, sebagai Perdana Menteri beliau mempunyai perlindungan bersyarat apabila mengeluarkan kenyataan yang didakwa menghina Anwar.

Katanya, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi menjawab balik kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri itu yang dibuat di khalayak ramai serta menerusi sidang akhbar.

Dr Mahathir berkata, Anwar selepas dilucutkan jawatan daripada Kabinet pada 2 September tahun lalu dan dipecat daripada Umno sehari selepas itu, membuat kenyataan menyeranginya, kerajaan Malaysia dan Umno, parti yang Dr Mahathir menjadi presiden.

Dr Mahathir mendakwa, beliau mengeluarkan kenyataan itu bagi melaksanakan kewajipan sosial dan moral kepada rakyat negara ini bagi memastikan ketenteraman dan keselamatan awam serta menjamin keselamatan rakyat.

Dalam jawapan kepada pembelaan Dr Mahathir, Anwar berkata, Perdana Menteri bertanggungjawab memfitnahnya dan dengan sengaja menyebabkan penerbitan perkataan menghينanya dalam media tempatan serta luar negara.

(END)